
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008**

April 2008

**HST 328 – KERTAS KHAS DALAM SEJARAH ASIA
TENGGARA**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Sejauh manakah pendudukan Jepun boleh dianggap sebagai rahmat di Indonesia dan malapetaka di Filipina?
2. Bincangkan mengapakah Indonesia telah berjaya mempertahankan kemerdekaannya sedangkan Filipina gagal memperjuangkan kedaulatan negaranya?
3. "Golongan pemuda telah memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan revolusi Indonesia." Bahaskan.
4. "Tuntutan Filipina terhadap negeri Sabah merupakan suatu tuntutan yang sah dan halal." (Presiden Diosdado Macapagal). Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?
5. "Agama Islam adalah faktor utama kenapa wilayah Selatan Filipina mahu memisahkan diri daripada negara Filipina." Sejauh manakah pernyataan ini boleh dipertahankan?
6. Mengapakah era Demokrasi Berparlimen di Indonesia, antara 1950-1957 telah gagal?
7. "Keterlibatan Amerika Syarikat di Filipina pada 1950-an dan 1960-an menyumbang kepada ketidakstabilan di negara tersebut." Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?
8. Kemunculan Orde Baru sejak 1965 merupakan peluang bagi tentera Indonesia mengekalkan kuasanya dalam sistem politik Indonesia. Bincangkan.